

Tuan,

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 1976

PERATURAN PENGAKAUNAN PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 1976

BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Pekeliling ini menjelaskan tentang peraturan Sistem Pengakaunan Tunai Ubahsuai yang akan dipakai pada akhir tahun kewangan 1976 seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan No.8 Tahun 1974.

2. Semua Buku Tunai hendaklah ditutup seperti biasa selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir tahun 1976 mengikut peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling yang tersebut di atas. Pemegang Panjar tidak dikehendaki memulangkan baki panjarnya pada akhir tahun.
3. Apabila menguruskan pembayaran akaun tahun 1976 dalam bulan Januari 1977 pihak-pihak yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa bukan sahaja perkhidmatan/pembekalan telah disempurnakan sehingga 31hb. Disember 1976 tetapi peruntukan dalam pecahan-kepala yang berkenaan adalah juga mencukupi untuk membayar perbelanjaan itu. Jika syarat ini tidak dipenuhi maka pembayaran itu hendaklah didebit kepada peruntukan tahun 1977.
4. Vaucer pembayaran yang disampaikan kepada Perbendaharaan Pembayar SELEPAS 20hb. Disember 1976 hendaklah disediakan mengikut peraturan diperenggan 4.1 hingga 4.3 dibawah.
 1. Vaucer yang disampaikan itu hendaklah diberi nombor siri tahun 1976 dan jelas diberi tanda dimukanya dengan perkataan 'ACCOUNTS PAYABLE – 1976' dengan menggunakan rubber stamp. Amaun dalam vaucer itu kemudiannya dimasukkan kedalam Buku Vot tahun 1976.
 2. Tiap-tiap satu vaucer atau kumpulan vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang disampaikan mestilah disertai dengan suatu jurnal yang mengandungi catitan:

DEBIT amaun-amaun yang ditunjukkan dalam vaucer itu kepada pecahan-kepala perbelanjaan yang berkenaan bagi tahun 1976

DAN

KREDIT jumlah vaucer itu kepada akaun 'ACCOUNTS PAYABLE'.

4.3. Vaucer pembayaran yang disertai oleh jurnal di atas mestilah disampaikan kepada Perbendaharaan Pembayar supaya diterimanya tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan olehnya bagi penyampaian vaucer. Bagi Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kuala Lumpur vaucer-vaucer itu hendaklah disampaikan tidak lewat daripada 22hb. Januari 1977. Ini adalah perlu bagi memberi kesempatan kepada Perbendaharaan Pembayar memproses vaucer itu dan mengeluarkan cek baginya tidak lewat dari 31hb. Januari, 1977.

5. Merekod Pembayaran Oleh Perbendaharaan Pembayar.
 1. Apabila menyemak vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' Perbendaharaan Pembayar mestilah memastikan bahawa vaucer itu ditanda jelas dengan perkataan 'ACCOUNTS PAYABLE – 1976' dan disertai dengan jurnal seperti yang tersebut dalam perenggan 4.2 di atas.
 2. Vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang dapat dibayar sehingga 31.12.1976 hendaklah diperakaun

seperti vauzer biasa dan jurnal yang dikembalikan kepadanya dibatalkan dan perkataan 'ACCOUNTS PAYABLE' yang ada pada muka vauzer itu dipotong.

3. Vauzer yang dibayar selepas 31.12.1976 hendaklah diberi nombor siri 1977 oleh Perbendaharaan Pembayar dan cek yang dikeluarkan baginya hendaklah daripada akaun bank tahun 1977.
4. Vauzer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang tidak dapat dibayar sehingga 31.11.1977 mestilah dipulangkanbalik kepada Pegawai Pengawal untuk dibatalkan. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan suatu vauzer baharu dan menyampaikannya kepada Perbendaharaan Pembayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) untuk dibayar dari peruntukan tahun 1977.
5. Tiap-tiap jumlah vauzer 'ACCOUNTS PAYABLE' yangdibayar sehingga 31.1.1977 dibawah kepala yang sama hendaklah didebit ke dalam suatu akaun lejar yang diberi nama akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 Kepala.....'yang hendaklah dibuka dalam tahun 1976. Nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada tiap-tiap satu akaun itu hendaklah sama dengan nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada Kementerian /Jabatan yang berkenaan itu bagi tahun 1976.
6. Catitan debit dalam jurnal yang menyertai vauzer pembayaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam kad perbelanjaan yang berkenaan dalam akaun tahun 1976. Catitan kredit adalah dibuat kepada suatu akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' yang hendaklah dibuka dalam tahun itu bagi tiap-tiap satu kepala perbelanjaan dalam anggaran. Baki kredit dalam akaun ini pada bila-bila masa pun hendaklah sama dengan jumlah debit yang ditunjukkan dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 Kepala.....'yang dibuka dalam tahun 1977 itu.

6. Menutup akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' dalam tahun 1977

1. Pada tutup urusan dan selepas catitan terakhir ke dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976- Kepala.....'pada hari kerja terakhir dalam bulan Januari 1977 suatu catitan jurnal hendaklah dibuat untuk menutup akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' itu

Catitan itu ialah :

DEBIT akaun 'ACCOUNTS PAYABLE'
dengan baki yang ada didalamnya

DAN

KREDIT akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 –
Kepala.....' dengan jumlah yang sama.

6. Dimana sesuatu vauzer 'ACCOUNTS PAYABLE' itu disertai oleh penyata pemungut, pengeluaran resit bagi penyata pemungut itu dan pembayaran potongan yang dibuat darinya hendaklah diuruskan mengikut bila vauzer itu dibayar. Jika vauzer tersebut dibayar pada atau sebelum 31.12.1976 maka butir-butir yang berkenaan hendaklah diuruskan dalam akaun 1976. Jika selepas 31.12.1976 maka ianya hendaklah diuruskan dalam akaun 1977.
7. Reкупmen oleh Pemegang Panjar
 1. Dalam mendapatkan balik perbelanjaan daripada Perbendaharaan dalam bulan Januari 1977 dan dalam bulan-bulan yang berikutan Pemegang Panjar mestilah menghantar berasingan vauzer yang telah dibayar dalam tiga kumpulan seperti berikut :-

1. Kumpulan pertama – Vauzer tahun 1976 yang telah dibayar dalam tahun yang sama.

Reкупmen bagi pembayaran yang telah dibuat dalam tahun ini hendaklah diuruskan seperti

yang dilakukan sekarang.

2. *Kumpulan kedua – Vaucer tahun 1976 yang dibayar dalam bulan Januari 1977*

Jumlah Kumpulan vaucer itu hendaklah dikredit ke akaun pemegang panjar tahun 1977 dan penyelesaian dan debit kepada berbagai akaun perbelanjaan itu hendaklah diuruskan mengikut perenggan 5.5 dan 5.6 di atas.

3. *Kumpulan ketiga –Vaucer tahun 1977 yang dibayar dalam tahun yang sama.*

Rekupmen perbelanjaan yang dibayar dalam tahun 1977 berkenaan dengan akaun tahun itu hendaklah diuruskan seperti biasa.

8. Mengakaun Pembayaran Persekutuan di Perbendaharaan Negeri

1. Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai ini adalah juga dipakai dalam urusan Kerajaan Persekutuan yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri. Walau bagaimanapun oleh kerana Perbendaharaan Negeri tidak menyenggara rekod pengakaunan yang lengkap mengenai pembayaran-pembayaran yang dibuatnya bagi pihak Jabatan Persekutuan peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi dalam mengakaun pembayaran-pembayaran persekutuan.

1. Proses menyediakan dan menyampaikan vaucer oleh Ketua Jabatan Persekutuan dalam negeri-negeri untuk dibayar oleh Perbendaharaan Negeri hendaklah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan pada perenggan 4.1. pekeliling ini.
2. Keperluan bagi vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' disertakan dengan suatu jurnal seperti dalam perenggan 4.2 tidak dipakai bagi vaucer yang hendak dibayar oleh Perbendaharaan Negeri.
3. Dalam memproses vaucer Persekutuan, Bendahari Negeri adalah diminta supaya mematuhi syarat-syarat dalam perenggan 5 pekeliling ini dimana berkenaan.
4. Vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' yang dibayar oleh Perbendaharaan Negeri dalam bulan Januari, 1977 hendaklah didebit terus kepada akaun antara pentadbiran dengan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri.
5. Apabila menghantar akaun kepada Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, Bendahari Negeri adalah diminta supaya mengasingkan vaucer 'ACCOUNTS PAYABLE' daripada vaucer-vaucer yang lain. Ini sangat mustahak supaya urusan memproses vaucer-vaucer dan mengakaun perbelanjaan dalam tahun kewangan yang berkenaan itu tidak tergendala.
6. Jika penyelesaian akaun tahun 1976 diantara jabatan-jabatan dibuat melalui pelarasan jurnal, jurnal itu hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri dalam akaun supplement tahun 1976.

9. Penyelesaian Akaun bulan Januari 1977 yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri

1. Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri apabila menerima akaun bulan Januari 1977 dari Perbendaharaan Negeri hendaklah memproses, mengakaun dan menyelesaikan dengan Pegawai Pengawal seperti berikut :-

1. Perbelanjaan tahun 1977 hendaklah didebit kedalam Akaun Penyelesaian jabatan yang berkenaan.
2. Perbelanjaan tahun 1976 hendaklah didebit ke dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 Kepala.....'
3. Suatu jurnal hendaklah dibuat kemudiannya untuk mendebit amaun yang sama dengan amaun yang ditunjukkan dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 Kepala.....' itu ke dalam Akaun Penyelesaian jabatan tahun 1976. Kredit bagi amaun yang sama adalah ke akaun 'ACCOUNTS PAYABLE'.
4. Debit Note bagi tahun 1976 dan 1977 hendaklah kemudiannya dihantar kepada Pegawai Pengawal untuk diselesaikan oleh mereka.
5. Apabila Debit Note diterima daripada Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan jurnal untuk memasukkannya ke dalam akaun perbelanjaan tahun kewangan yang berkenaan.
6. Akaun 'ACCOUNTS PAYABLE' itu hendaklah kemudiannya ditutup dalam tahun 1977 oleh

Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri mengikut perenggan 6 pekeliling ini.

10. Akaun Seberang Laut

1. Cara memproses dan menyelesaikan akaun perwakilan diseberang laut bagi bulan Januari 1977 hendaklah mengikut aturan yang dilakukan sekarang melainkan apabila menghantar akaun itu kepada Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri jabatan yang berkenaan itu adalah diminta supaya memastikan bahawa vaučer pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan diasingkan kepada dua kumpulan iaitu :-

- i. Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1976
- ii. Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1977

1. Suatu vaučer jurnal hendaklah disediakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk melaraskan perbelanjaan bulan itu seperti berikut:-
 1. Pembayaran atas perbelanjaan tahun 1977 hendaklah didebit terus ke dalam vot yang berkenaan.
 2. Jumlah pembayaran atas perbelanjaan tahun 1976 didebit ke dalam akaun 'PENYELESAIAN PERBELANJAAN 1976 – Kepala.....dan
 3. Jumlah (i) dan (ii) di atas dikredit ke dalam akaun panjar.

Suatu vaučer jurnal yang lain kemudiannya hendaklah disediakan seperti di perenggan 4.2. di atas untuk dicatit ke dalam akaun tahun 1976 dan akaun-akaun yang berkenaan kemudiannya ditutup mengikut perenggan 6 pekeliling ini.

12. Apa-apa penjelasan lanjut yang diperlukan mengenai pekeliling ini bolehlah didapati daripada Jabatan Akauntan Negara.

Saya yang menurut perintah,

TT

(RAJA ABD. AZIZ B. RAJA SALIM)

b.p. Akauntan Negara

Malaysia.